

SIRI 1

Arkib Memorial Memori Megawati

Arkib Negara Malaysia merupakan sebuah institusi yang bukan sahaja berperanan menguruskan rekod kerajaan dan rekod yang bernilai kekal, tetapi turut bertanggungjawab mengendalikan "Arkib Memorial". Arkib Memorial menempatkan, memelihara, memulihara dan memperagakan bahan mengenai Perdana Menteri dan negaraw Tujuannya utama penubuhan Arkib Memorial adalah untuk mengenang dan memperingati jasa dan pengorbanan Perdana Menteri dan negarawan bagi memantapkan jati diri dan pembinaan negara bangsa dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sehingga kini, terdapat 11 buah Arkib Memorial di bawah pengurusan dan seliaan Arkib Negara Malaysia di seluruh negara. Semua Arkib Memorial ini boleh dilawar secara percuma pada setiap hari kecuali pada hari Isnin bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Pada siri pertama ini, kita akan mengenali terlebih dahulu lima memorial tersebut.

Memorial Tunku Abdul Rahman


Terletak di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, Memorial Tunku Abdul Rahman telah dirasmikan pembukaannya pada 10 November 1994 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Memorial ini dibangunkan bagi memperingati, mengenang jasa dan sumbangan Perdana Menteri yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, yang juga dikenali sebagai Baba Kemerdekaan. Antara yang menarik di memorial ini termasuklah terdapatnya sebuah bangunan "Residensi" berusia lebih 120 tahun yang masih dikekalkan bentuk asal dan kedudukan susun atur dalamannya untuk tatapan pengunjung. Selain itu, turut dipamerkan "Merdeka" dan kereta Cadillac Fleetwood 1959 yang pernah digunakan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman.




Pemandangan dari udara Memorial Tunku Abdul Rahman.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia, No. Penerimaan: 1998/0007191)

Memorial Tun Abdul Razak

Memorial Tun Abdul Razak dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 6 Mei 1982. Memorial ini dibina bagi memperingati jasa dan sumbangan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Dato' Hussein, yang juga dikenali sebagai Bapa Pembangunan Negara. Terletak di Sri Taman, Jalan Perdana, Kuala Lumpur, memorial ini memiliki dua buah dewan pameran. Satu daripadanya dikenali sebagai "Sri Taman" Sri Taman merupakan rumah kediaman rasmi Allahyarham Tun Abdul Razak sejak tahun 1962, iaitu semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri hinggalah meninggal dunia pada 14 Januari 1976. Satu lagi dewan pameran memorial ini memperagakan barang kepunyaan Allahyarham Tun Abdul Razak dan barang berkaitan dengan beliau.



Memorial Tun Abdul Razak.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Memorial Tun Hussein Onn.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Memorial Tun Hussein Onn

Dirasmikan pada 10 Februari 2006 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Memorial ini pada asalnya dibangunkan di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur, yang kemudiannya diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia berikutan perpindahan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ke Putrajaya. Namun begitu, pada tahun 2014, memorial ini telah ditutup untuk memberi laluan kepada pembinaan Asia School of Business oleh Bank Negara Malaysia. Berikutan itu, sebuah bangunan baharu dibina berdekatan dengan bangunan asal untuk menggantikan Memorial Tun Hussein Onn yang ditutup. Pada 1 November 2017, majlis penyerahan bangunan baharu Memorial Tun Hussein Onn telah diadakan dengan turut dihadiri oleh anakanda Allahyarham Tun Hussein Onn, iaitu YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein, seorang menteri kabinet. Bangunan yang dibangunkan untuk memamerkan koleksi peribadi dan khazanah warisan milik mantan Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn ini dibina dengan membawa konsep perskitaran hijau sehingga mendapat pengiktirafan Green Building Index (GBI). Penggunaan bumbung hijau bertingkat memberikan kesinambungan kepada landskap di sekitarnya yang menampilkan pemandangan 360 darjah bandar Kuala Lumpur.



Kompleks Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Kompleks Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad

Rumah yang terletak di alamat No. 18, Lorong Kilang Ais, Alor Setar, Kedah, ini merupakan sebuah rumah kayu beratap nipah, tempat kelahiran seorang negarawan, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Di sinilah beliau dibesarkan dan menetap sehingga berkahwin dengan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Rumah ini diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia pada Mei 1993, susulan daripada cadangan Lembaga Muzium Negeri Kedah dalam mesyuarat yang diadakan pada 21 Ogos 1990. Lembaga Muzium Negeri Kedah mencadangkan Arkib Negara Malaysia mengambil alih dan memelihara rumah tersebut di bawah projek Arkib Perdana Menteri. Pada **20 Disember 1992**, Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, YB Dato' Sabbaruddin Chik. Rumah Kelahiran ini memperagakan bahan pameran berkaitan dengan sejarah hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad dari zaman persekolahan sehingga menjadi seorang doktor.

Galeria Sri Perdana

Dirasmikan pada **20 Disember 2003** oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Galeria Sri Perdana ini merupakan kediaman rasmi Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama keluarga dari tahun 1983 sehingga beliau berpindah ke Putrajaya pada tahun 1999, iaitu ketika beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat. Kini, Galeria Sri Perdana dibangunkan menjadi sebuah galeria yang mempamerkan koleksi khas Tun untuk tatapan umum. Yang menariknya, di sini juga terdapat bilik tukang berserta koleksi hasil tukang. Tun yang jarang-jarang diketahui umum, juga turut dipamerkan untuk tatapan pengunjung.



Galeria Sri Perdana.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Kesimpulannya, dalam usaha untuk memelihara dan memasyarakatkan bahan arkib dan warisan sejarah, Arkib Negara Malaysia terus memajukan institusi Arkib Memorial ini dengan jayanya. Sesungguhnya jasa dan sumbangan tokoh negarawan ini tiada ternilai kepada pembangunan serta kemajuan masyarakat dan negara. Selain itu, pengunjung terpegun melihat koleksi khas pemimpin ulung ini yang boleh membangkitkan rasa kecintaan terhadap pemimpin negara dan memperkukuh nilai patriotisme terhadap negara. Berkunjunglah ke Arkib Memorial ini bagi menghayat aura kepimpinan negarawan ulung kita.

*Untuk mengetahui perkara ini dengan lebih lanjut, carian maklumat bolehlah dibuat melalui <https://ofa.arkib.gov.my> dan <http://hids.arkib.gov.my>.